

03/02/1997

Pil Ecstasy: Pengusaha pusat hiburan jadi sasaran

KAMPUNG GAJAH, Ahad - Pengusaha pusat hiburan yang membiarkan premis mereka menjadi tempat pengedaran dan penagihan dadah serta pil khayal "Ecstasy" akan dihukum lebih berat apabila kerajaan meminda Akta Dadah Berbahaya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata pindaan itu dijangka dibentangkan dalam sidang Parlimen akan datang.

Menurutnya, ketika ini, Akta Dadah Berbahaya hanya membolehkan kerajaan bertindak terhadap pengedar dan mereka yang memiliki dadah serta pil khayal sahaja, manakala pengusaha premis bebas daripada sebarang tindakan.

"Pindaan Akta Dadah Berbahaya bertujuan menyekat pemilik pusat hiburan daripada menjadikan premis mereka sebagai pusat pengedaran dan penagihan pil khayal dan dadah kepada pengunjung."

"Pendekatan itu juga sekali gus dapat membendung kegiatan tidak bermoral di kalangan pengunjung termasuk remaja," katanya kepada pemberita selepas berbuka puasa di Masjid Jamek Bukit Chawi, dekat sini, malam tadi.

Turut hadir, Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Abang Abdul Wahap Abang Julai.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan perlu meminda undang-undang sedia ada kerana dipercayai ada pemilik pusat hiburan membiarkan pengunjung menagih dadah dan pil khayal Ecstasy.

Megat Junid berkata, sesetengah pemilik premis memang menyedari kegiatan negatif di premis mereka tetapi sengaja tidak mahu mengambil tahu demi menjaga hati pelanggan.

Katanya, ketiadaan undang-undang yang membolehkan kerajaan bertindak terhadap pengusaha pusat hiburan terbabit menyebabkan pengunjung membawa pil khayal yang dipercayai diimport dan mengedarkannya di pusat hiburan.

(END)